

Pilih ayat-ayat yang betul.

Sintaksis Aros S

- 1** I Kertas yang bertaburan di atas lantai tadi telah Khayra kutip.
II Mereka-mereka merupakan para peserta pertandingan syarahan peringkat daerah.
III Puan Jeya membacakan anaknya buku cerita.
IV Sekawan burung hinggap di atas dahan pokok mangga di halaman rumah nenek.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
- 2** I Sambal sotong itu agak pedas tetapi sedap.
II Kita perlu memakai jaket keselamatan ketika menaiki bot.
III Dia berkata demikian demi untuk menjaga nama baik keluarganya.
IV Aktiviti gotong-royong itu bermula di pukul 7:00 pagi.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
- 3** I Cermin mata-cermin mata yang dipamerkan di dalam almari kaca itu berharga ribuan ringgit.
II Natalie tertarik oleh keunikan budaya Malaysia sejak pertama kali dia datang ke negara ini.
III Tahap kesihatan datuk semakin hari semakin baik sejak beliau mengamalkan gaya hidup sihat.
IV Jufri berjaya menamatkan lariannya dalam tempoh satu jam setengah.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
- 4** I Saliha tertekan oleh kerana hutang keretanya masih belum langsa.
II Setengah orang sanggup memperlak orang lain demi kepentingan dirinya.
III Irdina melipat pakaian sambil menonton televisyen.
IV Cikgu Firdaus menceritakan pengalaman beliau semasa bertugas di kawasan pedalaman kepada kami.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
- 5** I Hadif tidak dapat menyertai aktiviti perkhemahan itu kerana dia perlu menjaga ibunya yang sakit.
II Atlet angkat berat yang telah mengharumkan nama negara itu berasal dari mana?
III Mangsa banjir itu berterima kasih kepada semua pemberi-pemberi sumbangan.
IV Air mata Puan Karmila berderet-deret apabila mendapat tahu bahawa adiknya telah meninggal dunia.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
- 6** I Rumah-rumah tradisional di kawasan itu telah berusia ratusan tahun.
II Puan Julia melayan pembantu rumahnya bagaikan ahli keluarga sendiri.
III Wanita itu menangis terbahak-bahak tatkala menatap gambar arwah anaknya.
IV Usul itu telah saya berikan pada Encik Bakhtiar semalam.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja